

MAHATHIR - SOKONGAN

I

DARI IDZAN ISMAIL

SUVA (FIJI), 13 OKT. ¹⁹⁸² (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEKANKAN KESEDIAAN MALAYSIA UNTUK MEMBERIKAN SOKONGAN KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU INI DALAM MENENTANG DASAR PERLINDUNGAN-DAGANGAN AUSTRALIA.

PERDANA MENTERI BERKATA +SAYA MEMAHAMI KEPERLUAN NEGARA-NEGARA KECIL TETAPI NEGARA-NEGARA BESAR DAN BERKUASA PATUT MEMBUKA PASARAN MEREKA DAN INI BERMAKNA MEREKA TIDAK SEHARUSNYA MENGALMUKAN DASAR PERLINDUNGAN DAGANGAN.+

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SETIBANYA DI SINI UNTUK MENGHADIRI SIDANG SERANTAU KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL (CHOG-RO) KETIGA YANG BERMULA ESOK, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG MASALAH PERDAGANGAN DENGAN NEW ZEALAND.

MEMANDANGKAN INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN SEMULA SERUANNYA KEPADA NEGARA-NEGARA KAYA SEPERTI AUSTRALIA SUPAYA MELUASKAN PELUANG-PELUANG PERDAGANGAN DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN.

+SAYA TELAH PUN MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN AUSTRALIA DAN BERSEDIA MENYOKONG SEBARANG NEGARA YANG MENGHADAPI MASALAH DENGAN DASAR PERLINDUNGAN DAGANGAN AUSTRALIA. - LAGI 2000/BW

B655

MAHATHIR - SOKONGAN 2 SUVA

KENYATAAN PERDANA MENTERI ITU ADALAH SEJAR DENGAN LAPORAN SEBUAH JAWATANKUASA KOMANWEL YANG TERDIRI DARIPADA 11 BUAH NEGARA YANG DITUBUHKAN UNTUK MENGAJAI SEMULA DASAR PERLINDUNGAN DAGANGAN NEGARA-NEGARA MAJU.

MENURUT LAPORAN ITU, HALANGAN-HALANGAN BARU DALAM PERDAGANGAN YANG HIDUP SUBUR DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MAJU MERUPAKAN HALANGAN KEPADA EKSPORT BARANG-BARANG YANG DIKILANG DARI NEGARA-NEGARA MAJU DAN INI MERUPAKAN SATU BENTUK DISKRIMINASI; LAPORAN ITU MENAMBAH.

MEMANDANGKAN INI, LAPORAN ITU MENGGESA KEADAAN ITU DIPERBETULKAN DAN MELETAKKANNYA DI BAWAH UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA YANG TELAH DIPERSETUJUI OLEH PERJANJIAN AM MENGENAI TARIF DAN PERDAGANGAN (GATT).

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENKRITIK NEGARA-NEGARA MAJU YANG MASIH ENGGAN MENANDATANGANI KONVENSYEN UNDANG-UNDANG LAUT.

BELIAU MENSIFATKAN TINDAKAN MEREKA SEBAGAI TIDAK ADIL KERANA MEREKA MEMPERBESARKAN FAEDAH YANG DIDAPATI UNTUK KEPENTINGAN NEGARA MASING-MASING SAHAJA.

AMERIKA SYARIKAT MERUPAKAN SALAH SEBUAH NEGARA YANG MASIH BELUM MEMANDATANGANI KONVENSYEN TERSEBUT.

- LAGI 2003/BW

KEPADA SOALAN MENGENAI MENGAPA BELIAU MEMUTUSKAN UNTUK MENGHADIRI SIDANG CHOGRM ITU TAHUN INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +SAYA DATANG UNTUK MENEMUI SAHABAT-SAHABAT LAMA SAYA DI SINI DAN DI KOMANWEL. TERDAPAT TERLALU RAMAI PEREMPIN YANG MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK KOMANWEL DAN PERSIDANGAN KECIL SEPERTI INI AKAN MEMBERIKAN LEBIH BANYAK FAEDAH.+ BELIAU BERKATA BELIAU DATANG DENGAN FIKIRAN TERBUKA SAMBIL MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK PERNAH MENGANGGAT KOMANWEL SEBAGAI SATU PERTUBUHAN YANG TIDAK BERMAKNA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA BAHAWA BANYAK NEGARA-NEGARA KECIL AKAN MENGHADIRI SIDANG CHOGRM ITU DAN SATU PENDEKATAN BERSAMA AKAN DIBUAT DAN BELIAU BERMINAT UNTUK MENCARI JALAN BAGAIMANA MALAYSIA BOLEH BEKERJASAMA DENGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU PASIFIK. - BERNAMA 2010/BW

MAHATHIR - SOKONG 4 SUVA (SAMBUNGAN BERITA B656)

MENGENAI KAMPUCHEA, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA AKAN MENGAMBIL PELUANG MENDAPATKAN SOKONGAN UNTUK KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA YANG DIKETUAI OLEH PUTERA NORODOM SIHANOUK.

'INI MERUPAKAN SATU DARIPADA ISU YANG MALAYSIA AKAN BENTANGKAN DI PERSIDANGAN KERANA ISU KERAJAAN CAMPURAN ITU PERLU DIBERI SOKONGAN,' KATANYA.

ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA SEKIRANYA MALAYSIA MEMBENTANGKAN ISU ITU DI ISU ITU DI PERSIDANGAN, PERDANA MENTERI SINGAPURA ENCIK LEE KUAN YEW AKAN MEMBERI SOKONGAN KUAT.

SINGAPURA ADALAH SALAH SEBUAH DARIPADA NEGARA-NEGARA YANG BERTANGGUNGJAWAB MENYATUKAN KETIGA-TIGA PUK ANTI-VIETNAM TERDIRI DARIPADA SIHANOUK, SONN SANN DAN KHIEU SAMPAHN YANG BERAKHIR DENGAN MENANDATANGANI PERJANJIAN YANG MEMBENTUK KERAJAAN CAMPURAN DEMOKRATIK KAMPUCHEA.

MENGENAI PERKARA KEMASUKAN SEMULA PAKISTAN KE DALAM KOMENWEL BERIKUTAN DENGAN PENGUNDURANNYA PADA TAHUN 1972, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA TIDAK MENGHALANGNYA. -- LAGI

2045/MB

MAHATHIR - SOKONG 5 SUVA

KATANYA, MALAYSIA TIDAK MEMBANTAH JIKA PAKISTAN DITERIMA SEMULA SEBAGAI ANGGOTA KOMENWEL DAN MALAYSIA SEDIA BERSETUJU MEMBINCANGKAN PERKARA ITU SEKIRANYA IA DIBENTANGKAN.

SETIAUSAHA AGUNG KOMENWEL, ENCIK SRIDATH RAMPHAL, SEBELUM INI TELAH BERKATA ISU PAKISTAN TIDAK AKAN DIBINCANGKAN DI PERSIDANGAN KEMUNCAK ESOK KERANA IA TIDAK TERMASUK DALAM AGENDA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN IA MENJADI SATU PERKARA HANGAT DI KALANGAN KETUA-KETUA KERAJAAN APABILA MEREKA MENGADAKAN PERJUMPAAN TIDAK RASMI DI SATU PUSAT ISTIRIHAT DI PASIFIK Hujung MINGGU INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA BELIAU TELAH MEMBAWA BERSAMANYA BEBERAPA ORANG PENIAGA UNTUK MENKAJI KEMUNGKINAN MENGADAKAN PERNIAGAAN USAHASAMA DENGAN FIJI.

TINDAKAN EKORAN AKAN BERGANTUNG KEATAS PARA PENIAGA ITU UNTUK MENKAJI SALURAN-SALURAN DIMANA PERNIAGAAN DUA HALA BOLEH DIUSAHAKAN.

PARA PENIAGA TERSEBUT TERMASUK ENCIK TAN KOON SWAN DARI MULTI-PURPOSE HOLDINGS, DATUK KHOO KAY PENG DARI MALAYSIAN UNITED INDUSTRIES, DATUK SALLEH YUSOF DARI PERWIRA HABIB DAN ENCIK ROBERT KUOK DAN BEAU KUOK DARI KUMPULAN KUOK